

directors' profile

PROFIL PENGARAH

Kam Lang Fatt @ Kim Leng Fatt

*Aged 63, Chairman cum Managing Director
Berusia 63 tahun, Pengerusi dan Pengarah Urusan*



Appointed to the Board on 8 April 1998 and also serves as a member of the Remuneration Committee. He is a businessman by profession and the founder of the New Hoong Fatt ("NHF") Group. He has extensive experience in the automotive industry and actively oversees the operations of the Group. After early ventures into the carpentry and furniture industries, he moved into the automotive industry where he was involved in businesses such as repairing motor vehicles and trading motorcycles and used cars. The experience gained therefrom, steered him to establish the NHF Group. Under his leadership, the Group flourished and was finally listed on the Second Board of the Malaysia Securities Exchange Berhad in 1998 and subsequently transferred to the Main Board in 2001. Currently, he holds directorships in several private limited companies, including the subsidiaries of the NHF Group.

Mr. Kam is the father of Kam Foong Keng and Kam Foong Sim, and father-in-law of Chin Jit Sin, who are all Executive Directors of the Company. His wife, Wong Ah Moy @ Wong Yoke Len, is a major shareholder of the Company.

He has no material conflict of interest with the Group other than that which has been disclosed to the Board of Directors and shareholders in the audited financial statements, the recurrent related party transactions of a revenue or trading nature and NHF's proposed acquisition of Hoeken Industrial Sdn Bhd and NS Plastic Industries Sdn Bhd, where he is a substantial shareholder and director. Details of the proposed acquisitions are set out in the Circular to Shareholders dated 26 April 2004.

Dilantik menganggotai Lembaga Pengarah pada 8 April 1998 dan juga sebagai ahli Jawatankuasa Ganjaran. Beliau merupakan seorang peniaga dan pengasas Kumpulan New Hoong Fatt ("NHF"). Beliau mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang industri automotif dan bergiat mengawasi operasi Kumpulan. Selepas menceburi dalam bidang pertukangan kayu dan perkakas rumah, beliau bertukar ke industri automotif dan melibatkan diri dalam perniagaan seperti memperbaiki kenderaan dan menjual motosikal dan kereta terpakai. Seterusnya, beliau menubuhkan Kumpulan New Hoong Fatt berdasarkan pengalaman yang diperolehi. Atas pimpinan beliau, Kumpulan ini semakin maju sehingga disenaraikan di Papan Kedua, Malaysia Securities Exchange Berhad pada 1998 dan kemudiannya diperkenalkan di Papan Utama pada 2001. Beliau kini memegang jawatan pengarah di beberapa syarikat swasta termasuk anak syarikat Kumpulan NHF.

Encik Kam adalah bapa Kam Foong Keng dan Kam Foong Sim dan bapa mertua kepada Chin Jit Sin, kesemuanya Pengarah Eksekutif Syarikat. Isterinya, Wong Ah Moy @ Wong Yoke Len, adalah seorang pemegang saham utama Syarikat.

Beliau tidak mempunyai percanggahan kepentingan yang mustahak dengan Kumpulan ini, selain daripada yang telah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan pemegang-pemegang saham di dalam penyata kewangan yang diaudit, urusan niaga pihak berkaitan yang berulang and bersifat pendapatan atau perniagaan, dan cadangan NHF untuk membeli Hoeken Industrial Sdn Bhd dan NS Plastic Industries Sdn Bhd, di mana beliau adalah pemegang saham utama dan pengarah. Butiran mengenai cadangan pembelian ini dinyatakan di dalam Pekeliling Pemegang Saham bertarikh 26 April 2004.

DIRECTORS' PROFILE (continued)**PROFIL PENGARAH** (sambungan)

Appointed as Executive Director on 8 April 1998 and a member of the Employee Share Option Scheme ("ESOS") Committee. He graduated from University of Malaya and holds a Bachelor of Economics (Hon) degree (major in Business Administration). He was attached to Malayan Banking Berhad from 1984 to 1990 prior to joining New Hoong Fatt Group. His experience covers a wide variety of industries including banking and financial institutions, manufacturing and trading. As an Executive Director, he is actively involved in overseeing the manufacturing operations of the Group. He was instrumental in the achievement of ISO 9001 for a manufacturing subsidiary. Currently, he sits on the Boards of several subsidiaries of the NHF Group.

Mr. Chin is the spouse of Kam Foong Keng, an Executive Director and major shareholder of the Company, and is therefore related to members of her family. He has no direct conflict of interest with the Group, save for the related party transactions involving his spouse, as set out in page 20 of the Annual Report.

Dilantik sebagai Pengarah Eksekutif pada 8 April 1998 dan adalah ahli Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Pekerja. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Malaya. Beliau pernah berkhidmat di Malayan Banking Berhad dari 1984 hingga 1990 sebelum menyertai Kumpulan New Hoong Fatt. Pengalaman beliau merangkumi pelbagai industri yang luas termasuk perbankan dan institusi kewangan, perkilangan dan perdagangan. Sebagai Pengarah Eksekutif, beliau mengawasi operasi perkilangan Kumpulan. Beliau adalah yang mendorong subsidiari perkilangan untuk mencapai ISO 9001. Ketika ini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah kepada beberapa syarikat subsidiari Kumpulan NHF.

Encik Chin adalah suami Kam Foong Keng, seorang Pengarah Eksekutif dan pemegang saham utama Syarikat, dan oleh yang demikian, adalah berkaitan dengan ahli keluarganya. Beliau tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan yang terus dengan Kumpulan ini selain dari urusan niaga pihak berkaitan yang melibatkan isterinya, seperti yang dinyatakan pada mukasurat 20 di dalam Laporan Tahunan ini.



Chin Jit Sin

*Aged 42, Non-Independent Executive Director
Berusia 42 tahun, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*

DIRECTORS' PROFILE (continued)

PROFIL PENGARAH (sambungan)



Kam Foong Keng

Aged 40, Non-Independent Executive Director

Berusia 40 tahun, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas

Appointed on 8 April 1998, as Executive Director of the Group. She is a member of the ESOS Committee. She holds a Bachelor Degree in Business from South Australia Institute of Technology (now known as University of South Australia), Australia. Since graduation, she has been a key person within the Group's subsidiaries, responsible for their management and organisational structure. She was instrumental in the achievement of ISO 9001 by the trading subsidiary. Currently, she sits on the Boards of the subsidiaries of the NHF Group and other private limited companies.

Madam Kam is the daughter of Kam Lang Fatt @ Kim Leng Fatt and Wong Ah Moy @ Wong Yoke Len, spouse of Chin Jit Sin and sibling of Kam Foong Sim, who are all Directors and/or major shareholders of the Company.

She has no material conflict of interest with the Group other than that which has been disclosed to the Board of Directors and shareholders in the audited financial statements, the recurrent related party transactions of a revenue or trading nature and NHF's proposed acquisition of Hoeken Industrial Sdn Bhd and NS Plastic Industries Sdn Bhd, where she is a director. Details of the proposed acquisitions are set out in the Circular to Shareholders dated 26 April 2004.

Dilantik pada 8 April 1998 sebagai Pengarah Eksekutif bagi Kumpulan. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Skim Opsyen Saham Pekerja. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perniagaan dari South Australia Institute of Technology (sekarang dikenali sebagai University of South Australia), Australia. Sejak berkelulusan, beliau merupakan seorang penggerak utama dalam subsidiari Kumpulan dan bertanggungjawab untuk pengurusan dan struktur organisasi. Beliau adalah yang mendorong subsidiari perdagangan untuk mencapai ISO 9001. Ketika ini, beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi subsidiari Kumpulan NHF dan syarikat swasta yang lain.

Puan Kam adalah anak Kam Lang Fatt @ Kim Leng Fatt dan Wong Ah Moy @ Wong Yoke Len, isteri kepada Chin Jit Sin dan kakak kepada Kam Foong Sim, kesemuanya Pengarah-pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat.

Beliau tidak mempunyai percanggahan kepentingan yang mustahak berkaitan dengan Kumpulan ini, selain daripada yang telah dikemukakan kepada Lembaga Pengarah dan pemegang-pemegang saham di dalam penyata kewangan yang diaudit, urusan niaga pihak berkaitan yang berulang and bersifat pendapatan atau perniagaan, dan cadangan NHF untuk membeli Hoeken Industrial Sdn Bhd dan NS Plastic Industries Sdn Bhd, di mana beliau adalah seorang pengarah. Butiran mengenai cadangan pembelian ini dinyatakan di dalam Pekeliling Pemegang Saham bertarikh 26 April 2004.